

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
(TANAH MERAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.11.2014

Y.B. DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mengesyorkan kepada Kerajaan untuk mengharamkan kemasukan rokok dan arak ke Port Klang Free Zone (PKFZ). Ini memandangkan ia tidak mendatangkan apa-apa keuntungan kepada Kerajaan sebaliknya hanya menjadi tempat persinggahan bagi kegiatan penyeludupan kedua-dua barangan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pengharaman kemasukan rokok dan arak ke Port Klang Free Zone (PKFZ) sahaja dijangka tidak dapat mengurangkan penyeludupan memandangkan masih terdapat Zon-zon Bebas lain yang telah ditubuhkan bertujuan untuk menggalakkan industri berorientasikan eksport. Sehubungan itu, usaha yang lebih menyeluruh perlu dilakukan bagi mengekang kes-kes penyeludupan.

Sehubungan itu, satu kajian telah diadakan bagi mengkaji kesan peruntukan perundangan sedia ada yang mengecualikan dagangan kritikal seperti rokok, arak dan beer dari duti import, duti eksais dan cukai jualan dalam Zon Bebas Cukai.

Antara hasil kajian tersebut adalah cadangan untuk memasukkan dagangan kritikal seperti rokok, arak dan beer ke dalam senarai Exclusion List bagi membolehkan duti import, duti eksais dan cukai jualan dikutip semasa dagangan tersebut dibawa masuk ke dalam zon bebas cukai. Perkara ini dilihat dapat membantu mengetatkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap zon bebas cukai, dan secara langsung

mengurangkan aktiviti penyeludupan dagangan tersebut dan cadangan ini akan disyorkan kepada pihak Kerajaan.